

Headline	JBD bukti kerajaan komited bantu rakyat		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	01 Apr 2018	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	37,981
Page No	1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	295 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,101
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,303



**MURAH...** Orang kelainan upaya (OKU) Ali Mamat, 81, ditemani isteri Norkiah Mat Adam, 56, mendapatkan bekalan keperluan harian dengan harga murah pada Program Jimat Belanja Dapur Peringkat Kebangsaan yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Padang Awam Bandar Dara Chini semalam. Foto BERNAMA

## JBD bukti kerajaan komited bantu rakyat

**PEKAN:** Pelancaran Program Jimat Belanja Dapur (JBD) peringkat kebangsaan di Bandar Dara, Chini 3 di sini menjadi bukti kerajaan setiasa komited dan istiqamah dalam membantu meringankan beban rakyat dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup pada masa kini.

Seorang penduduk Felda Chini 3, Jaafar Ishak, 70, berkata, peluang membeli barangan keperluan harian pada harga yang murah sentiasa dinanti penduduk terutamanya di kawasan luar bandar.

"Bukan sahaja barangan dijual dengan harga yang murah, tetapi kualitinya juga lebih baik kerana barangan seperti sayur dijual terus oleh petani tanpa melalui orang tengah.

"Ramai peniaga membuat lelongan barangan pada harga

murah, contoh pada hari ini tiga batang petola dijual RM2, selalunya dijual RM2 setiap satu," katanya kepada Bernama ketika ditemui pada majlis pelancaran program itu yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) semalam. Pelancaran program JBD tersebut disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Anggota Parlimen Pekan dan turut dihadiri lebih 10,000 penduduk dari kawasan sekitar.

Seorang penduduk Felda Chini 2, Abdul Hamid Wahab, 69, turut mengakui harga dan kualiti barangan yang dijual pada program itu jauh lebih baik berbanding di kedai biasa serta pasar malam.

"Saya harap program ini dapat diperluaskan serta dia-

dakan lebih kerap di gugusan Felda Chini bagi memudahkan kami masyarakat di luar bandar," katanya.

Sementara itu bagi Maznon Jaafar, 65, dari Felda Chini 3 berkata pasar tani FAMA sentiasa menjadi pilihan kerana pihak pengurusan telah meletakkan peraturan yang perlu diikuti peniaga yang menyertai pasar tani.

Menurutnya, ruang yang diberikan oleh FAMA sentiasa digunakan sebaik mungkin oleh peniaga dan pengunjung.

"Saya berharap usaha memasarkan pelbagai produk tempatan melalui pasar tani FAMA diteruskan kerana banyak produk industri kecil dan sederhana memerlukan platform untuk memasarkan kesemua barangan itu," katanya.

- Bernama